| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Melahirkan usahawan bio | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 8,9 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 766 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,278 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,834 |



# Melahirkan usahawan bio

## FRIM - MTDC jalin kerjasama pintar manfaatkan teknologi tempatan

KONSEP pembangunan program FMBiosis wajar dilihat sebagai usaha murni agensi kerajaan melihat ramai graduan bergelar usahawan bio dengan memanfaatkan menggunakan teknologi sebagai pemacu menerusi perkongsian pintar pihak berkepentingan.

FMBioSis merupakan program bersama untuk membangunkan graduan muda berpotensi sebagai usahawan bioteknologi dengan mengkomersialkan teknologi penyelidikan tempatan.

Menerusi program tersebut Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merupakan pembekal teknologi manakala Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) sebagai penaja dan juga penggerak pembangunan usahawan.

Program FMBiosis mula diperkenalkan secara rasminya pada 21 Mei 2008 dan ketika ini semua semua peserta telah menamatkan fasa pertama dan kedua program.

Terdapat 10 peserta terbaik yang telah terpilih untuk menerajui syarikat - syarikat FMBioSis.

Program berkenaan menyasarkan untuk melahirkan usahawan bioteknologi

Mereka yang tamat pengajian dalam bidang bioteknologi atau berkaitan dengannya serta mempunyai rekod akademik yang baik, mempunyai minat dalam bidang keusahawanan serta kualiti kepimpinan

Usaha melahirkan usahawan adalah bertujuan memanfaatkan teknologi tempatan dan aplikasi kaedah penyelidikan dalam menghasilkan inovasi, produk dan perkhidmatan untuk memenuhi pasaran dalam bioteknologi industri.

Terdapat tiga modul di bawah program tersebut iaitu kursus induskasi bioteknologi, Insititut MTDC-iC2 , Universiti Austin, Texas dan program inkubator.

Program pertama bermula Mei 2008 melibatkan 30 graduan yang disenarai pendek sepanjang 10 hari kursus induksi bioteknologi.

Daripada jumlah itu, seramai 24 dipilih untuk menyertai kursus Institut iC-MTDC selama lima minggu

Akhirnya seramai 19 ahli dipilih untuk program inkubator menyertai Program Pembangunan Teknologi Perniagaan

Sementara itu seorang usahawan yang terlibat, **Jurina Anwar** berkata, program tersebut dapat mengkomersialkan teknologi daripada institut penyelidikan yang mana graduan berpeluang untuk mempelajari ilmu keusahawan, mencari pengalaman, mewujudkan peluang pekerjaan, seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

Menurut penyelidik FRIM **Dr. Nor Azah Mohamad Ali,** program dengan kerjasama MTDC itu menjadikan graduan sebagai usahawan dengan membuka syarikat atau syarikat terbitan daripada penyelidikan institusi terbabit

"Dengan cara tersebut teknologi FRIM boleh dikomersialkan berdasarkan idea bersama daripada antara FRIM sebagai pembekal teknologi berbanding dan juga usahawan sebagai pelabur," ujarnya.

**"Dengan cara tersebut teknologi FRIM boleh dikomersialkan berdasarkan idea bersama daripada antara FRIM sebagai pembekal teknologi berbanding dan juga usahawan sebagai pelabur**

## Objektif FMBioSis

Memberi pendedahan kepada graduan tempatan potensi bioteknologi dan peluang yang ditawarkan da;am usahawan bio.

Merealisasikan program pemindahan teknologi sebagai untuk pembangunan bioteknologi sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.

Mewujudkan lebih banyak program keusahawan , menjana peluang pekerjaan dalam bidang bioteknologi dan mengurangkan pergantungan kepada swasta dan kerajaan.

Menggalakkan dan memperkukuhkan hubungan antara usahawan dan institusi penyelidikan terutama FRIM untuk memacu pembangunan perniagaan berasaskan penyelidikan.

Untuk memperoleh maklumat dan meningkatkan program pembangunan usahawan serta memberi nilai tambah perkhidmatan dan pembangunan program pada masa akan datang.

● FMBioSis™ ● Forest Research Institute Malaysia (FRIM), 52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia,
● Tel: 03-6262-6462 ● E-mel: *mazdiana@frim.gov.my*

Powered by: MediaBanc Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Melahirkan usahawan bio | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 8,9 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 766 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,278 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,834 |


JURINA ANWAR


DR. NOR AZAH MOHAMAD ALI

FMBIOSIS FRIM-MTDC

Powered by: MediaBanc Be informed

| Headline | Melahirkan usahawan bio | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 8,9 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 766 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,278 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,834 |



**FRIM sentiasa membantu mereka yang ingin berjaya sebagai usahawan.**

- Gambar hiasan.

Powered by: MediaBanc Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Melahirkan usahawan bio | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 8,9 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 766 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,278 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,834 |



Powered by: MediaBanc Be informed

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Melahirkan usahawan bio | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 8,9 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 766 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,278 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,834 |




**CIERA** (kiri) dan biskut yang sesuai untuk pesakit diabetes antara dua produk yang berjaya dihasilkan menerusi program FMBiosis.